

# SPPS juarai Liga Bola Keranjang UMS

NST 14.6.2013 22

OLEH JOANES ROBERT JOHNNY  
joanes@newsabahtimes.com.my

KOTA KINABALU: Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) berjaya menjuarai Liga Sukan Bola Keranjang bagi kategori wanita kali pertama dalam sejarah Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Sebanyak lima pasukan wanita telah mewakili sekolah masing-masing iaitu Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS), Sekolah Perubatan (SPU), Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPKS), Sekolah Sains dan Teknologi (SST), dan Sekolah Makanan dan Pemakanan (SSMP).

Persaingan yang besar dapat dilihat dalam perlawanan akhir antara SPPS dan SPKS, bagaimanapun, dengan kemahiran dan kecerdasan pemain pasukan SPPS, mereka berjaya mendahului SPKS pada 10 minit yang pertama dengan mata 28-2, manakala mata keseluruhan yang dikumpul adalah 36 (SPPS) – 2 (SPKS).

Bakat-bakat baru juga dapat dilihat melalui keseluruhan perlawanan, antaranya Farah Nabila Baba dan Hernawati Muhammad yang merupakan pelajar sains sukan dan pemain baharu yang pertama kali terlibat dalam sukan itu.

Ketua pasukan Tho Wan Jun menyatakan bahawa beliau amat berpuas hati dengan penglibatan pasukan itu dalam liga sukan tahun ini kerana pasukan SPPS tidak berkesempatan pada tahun lepas disebabkan kekurangan ahli pasukan.

"Kita amat bernasib baik pada tahun ini kerana ada pelajar sains sukan dan pelajar daripada program pendidikan yang ingin mencuba kemahiran mereka dalam sukan ini."

Menurut salah seorang pemain SPPS, Melvina Marvin Chong, kebanyakan pemain membuat penampilan kali pertama dalam kejohanan tersebut.

"Walau bagaimanapun, berbekalkan tunjuk ajar daripada para pensyarah iaitu Dr. Mohamad Nizam Nazarudin, Pathmanathan K. Suppiah dan Hasnol Noordin, kesemua pemain kami telah berjaya meningkatkan kecerdasan, disiplin dan semangat sehingga SPPS telah menjuarai liga kali ini. Menurut penganjur, liga itu merupakan medan untuk mengukur dan mencungkil bakat pemain baru yang berpotensi untuk mengharumkan nama UMS."

Majlis penyampaian hadiah kejohanan telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), ACP (K) Prof. Madya Datuk Dr. Hj. Kasim Mansur.



BARISAN pemain SPPS.